

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

Arah PKPD di dua lokaliti

Kuala Lumpur: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Diperketatkan (PKPD) dike-nakan di Kampung Emperoh Jambu, Padawan, Ku-ching, Sarawak dan Kam-pung Tanah Merah, Kota Marudu, Sabah bermula ha-ri ini.

Ia susulan peningkatan mendadak kes Covid-19 di dua lokaliti berkenaan yang membabitkan 1,960 penduduk.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu dibuat selepas ujian saringan Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan peningkatan dengan 60 kes positif di Kampung Emperoh dan 56 kes di Kampung Tanah Merah.

"Di Kampung Emperoh Jambu, Padawan, KKM mengesahkan berlaku pe-ningkatan kes secara mendadak di lokaliti ini dan ka-dar kebolehangkitan dalam komuniti adalah tinggi.

"Manakala di Kampung Tanah Merah, Kota Marudu pula 57 orang didapati po-sitif Covid-19 hasil daripada 226 ujian saringan yang dilaksanakan.

"Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatan-kuala Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di dua lokaliti ber-mula 23 Februari sehingga 8 Mac 2021," katanya dalam keterangan, semalam.

Terdahulu, Ismail Sabri berkata, 509 individu ditan-terkan kerana melanggar PKP, kelmarin dengan 466 di-kompaun, 39 direman dan empata lagi dijamin.

"Antara kesalahan dire-kodkan ialah rentas dae-rah/negeri tanpa kebenaran (120), tiada penjarakan fi-zikal (95), gagal menye-



Keputusan dibuat selepas ujian saringan KKM menunjukkan peningkatan dengan 60 kes positif di Kampung Emperoh dan 56 kes di Kampung Tanah Merah."

Ismail Sabri

diakan peralatan atau merekod pelanggan (111), tidak memakai pelitup muka (49), aktiviti Pusat Hiburan (37), premis beroperasi lebih masa atau tanpa kebenaran (8), keluar rumah tanpa ala-san munasabah (11), aktiviti perjudian (54) dan lain-lain (24).

"Seramai 3,247 Pasukan Pematuhan membabitkan 14,518 anggota membuat pemantauan di 6,110 res-toran, pasar raya (4,613), bank (4,204), penjaja (2,744), pasar awam/tani (2,265), ki-lang (1,618) dan pejabat ke-rajaan (847).

"Turut dipantau ialah tempat ibadah (3,786), tem-pat riadah (1,669), terminal pengangkutan darat (1,224), terminal pengangkutan air (294) dan terminal pe-nangkutan udara (102)," katanya.

Mengulas mengenai Op Benteng, Ismail Sabri ber-kata, seramai 16 pendatang asing tanpa izin (Pati) di-tahan dan lima kenderaan darat dirampas, selain pi-hak berkuasa mengesan 86 bot dan kapal di perairan negara.

"Sebanyak 512 sekatan ja-nan raya (SJR) semalam (kel-marin) oleh agensi-agensi keselamatan yang menyentai gerakan Op Benteng," katanya.



PERDANA Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin diberi penerangan mengenai Penyejuk Beku Bersuhu Ultra-Rendah (ULTF) untuk simpanan vaksin Covid-19 jenis Pfizer BioNTech oleh Pegawai Farmasi Ahmad Tarmizi Mohamed (kiri) semasa melawat bilik simpanan vaksin di Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya, semalam. Turut hadir, Menteri Kesihatan Datuk Dr Adham Baba.

Kes sembahu atasi jangkitan baharu

Seramai 2,192 positif Covid-19, 3,414 individu sembahu semalam

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 2,192 kes baru Covid-19 semalam, menyusut 1,105 kes berbanding data kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 2,189 kes adalah jangkitan tempatan manakala bakinya kes import.

Katanya, jumlah kes sem-buh mengatasi jangkitan baru dengan 3,414 kes, menjadikan keseluruhan 252,623 kes.

"Bagaimanapun, KKM merekodkan enam kemati-an hari ini (semalam) menjadikan jumlah kumulatif setakat ini 1,062 kes," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, 199 pesakit masih menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU) yang mana 91 kes daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Menurutnya, Selangor melapor kes harian ba-haru tertinggi iaitu seba-yak 910 kes, merangkumi 742 kes adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat yang aktif di lapan-

ngan. "Jangkitan kedua tertinggi dilapor Kuala Lumpur iaitu sebanyak 303 kes manakala Sarawak merekod 221 kes.

"Sebanyak 109 kes yang dilaporkan pula adalah ber-kaitan kluster di penjara dan depot tahanan imigresen," katanya.

Sementara itu, katanya, lapan kluster baharu dilapor semalam dengan tujuh klu-ster berkaitan tempat kerja dan satu kluster membabit-kan komuniti.

Kluster itu adalah Tapak Bina Jalan Kota, Tapak Bina Lombong Timah Selangor dan Pasar Jalan Putra di Se-langor, manakala kluster Tapak Bina Sungai di Kuala Lumpur, selain Kluster In-dustri Sungai Gadut di Ne-geri Sembilan; Hilir Sungai Kluang di Pulau Pinang; serta Sungai Bakong dan Em-peroh Jambu di Sarawak.

Siasat jika ada kecuaian kes tertukar bayi Hospital Melaka

Melaka: Jabatan Kesihatan negeri melakukan siasatan dalaman terhadap kes per-tukaran bayi di Hospital Melaka minggu lalu sama ada berlaku kecuaian petugas kesihatan atau sebaliknya.

Exco Kesihatan dan An-tidadah negeri Datuk Rah-mad Mariman berkata, tin-dakan tatatertib juga perlu di-kennen ke atas petugas kesihatan berkenaan jika terdapat unsur kecuaian se-hingga menyebabkan kes itu berlaku.

"Kes ini tidak pernah ber-laku di Melaka dan ia di-



Tindakan tatatertib juga perlu dikenakan ke atas petugas kesihatan berkenaan jika terdapat unsur kecuaian sehingga menyebabkan kes itu berlaku"

Rahmad

katakan berpunca daripada kesilapan dan kecuaian pe-tugas.

"Jadi saya mengesyorkan supaya petugas kesihatan yang terbabit dikenakan tin-dakan tatatertib kerana ia adalah kes yang serius," katanya pada sidang media di pejabatnya di Ayer Molek di sini, semalam.

Baru-baru ini insiden per-tukaran bayi yang dilahirkan pada 12 Februari lalu seberat 3.1 kilogram ditularkan seorang wanita dalaman Face-book miliknya.

Dalam status dimuat naik

berkenaan, wanita terbabit dilaporkan berkata, dia di-benarkan pulang pada 15 Februari lalu dengan bayi le-lakinya terpaksa ditahan wad hospital kerana jaundis.

Bagaimanapun, pada 17 Februari lalu, ketika dia datang semula ke hospital um-tuk menyusukan bayinya, dia terkejut seorang lagi bayi le-laki yang dilekatkan katil ba-yi bukan anaknya, sebaliknya seorang milik orang lain manakala bayinya pula sudah diambil orang lain selepas dibenar-kan keluar wad pada waktu tengah hari, hari sama.

Pihak hospital berjaya menghubungi pemilik sebe-nar bayi di hospital berke-naan dan keduanya menukar semula bayi masing-masing.

Sehubungan itu, Rahmad berkata, kes tertukar bayi terbabit bagaimanapun di-selesaikan dengan baik antara pihak hospital dan ke-dua-dua keluarga.

"Saya mewakili kerajaan negeri serta Jabatan Kesihatan negeri memohon maaf mengenai perkara itu dan berharap kejadian itu tidak berulang lagi," katanya.